

Najib Puji Semangat Pemuafakatan Rakyat Malaysia

Bernama

Jun

27,

2014

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini memuji sikap majoriti rakyat Malaysia yang meneruskan permuafakatan antara pelbagai bangsa dan agama meskipun berdepan masalah.

Dalam catatan di laman Facebook, Perdana Menteri mengambil contoh kisah pesakit di 'Wad 10' sebuah hospital di Lembah Klang yang saling menghidupkan semangat persaudaraan walaupun berdepan penyakit kronik, berdasarkan sebuah rencana terbitan Bernama.

"Saya terharu membaca rencana ini. Walaupun pesakit-pesakit di Wad 10 menghidapi penyakit kronik, mereka masih lagi mampu berseloroh dan berjenaka sesama sendiri sambil menghidupkan semangat persaudaraan dan pemuafakatan antara mereka yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama.

"Inilah semangat yang ditunjukkan oleh majoriti rakyat negara kita ini, dari dulu hingga sekarang," katanya.

Dalam catatan itu, Najib turut menyertakan pautan kepada rencana 'Kisah 1Malaysia Di Wad 10' yang ditulis wartawan Bernama, Sakini Mohd Said, yang telah memenangi beberapa anugerah kewartawanan baru-baru ini.

Ia menceritakan kisah empat sahabat pelbagai bangsa di wad berkenaan yang menghidap penyakit kronik termasuk kanser dan tiroid, tetapi kekal positif dan sentiasa memberi sokongan moral kepada satu sama lain.

"Marilah kita ambil iktibar dari kisah pesakit-pesakit ini dan bersama-sama mendoakan kesihatan mereka," kata Najib.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1049952>